

# Irmohizam dilantik sebagai Pro Canselor 1 UGM

Ercy Gracella Ajos - Ogos 3, 2023 @ 6:03pm  
bhnews@bh.com.my



Irmohizam (dua dari kiri) dilantik sebagai Pro Canselor 1 UGM berkuat kuasa 7 Ogos ini

KUALA LUMPUR: Pengarah Urusan Kumpulan Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL), Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim dilantik sebagai

Pro Canselor 1 Universiti Geomatika Malaysia (UGM), berkuat kuasa 7 Ogos ini.

Menerusi pelantikan itu, menjadikan beliau sebagai Pro Canselor 1 termuda yang pernah dilantik oleh UGM.

Irmohizam dalam satu kenyataan hari ini, melahirkan rasa syukur kerana diberi penghormatan terpilih menjadi Pro Canselor 1 UGM.

"Saya terima peranan ini dengan penuh tanggungjawab dan komitmen untuk menyumbang kepada pertumbuhan dan kesejahteraan institusi yang dihormati ini.

"Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Presiden Kumpulan Geomatika, Prof Datuk Sr Dr Mohaizi kerana memberi kepercayaan kepada saya.

"Visi dan dedikasi beliau memainkan peranan penting dalam membentuk Kumpulan Geomatik dan meletakkan asas yang kukuh untuk universiti ini terus berkembang maju," katanya.

Irmohizam berkata, pelantikan itu adalah bagi tempoh dua tahun berkuat kuasa pada 7 Ogos ini sehingga 6 Ogos 2025.

Katanya, UGM yang dahulunya dikenali sebagai Geomatika Universiy College (GUC) ditubuhkan sejak 2002 dan bermula sebagai pusat vokasional khususnya dalam bidang pengajian Ukur Tanah.

"Kini Geomatika mendapat status universiti penuh daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan bertukar nama menjadi Universiti Geomatika Malaysia pada tahun 2014.

"Disebabkan permintaan yang amat menggalakkan, Geomatika menubuhkan Jabatan Geospatial dan Kemajuan Tanah serta melancarkan Program Kursus Pendek Pusat GIS (CeGIS) dalam Teknologi Geospatial serta Sijil dalam Pembantu Ukur Tanah.

"UGM kini menawarkan lebih 40 program daripada peringkat Diploma sehingga Ijazah Kedoktoran dalam pelbagai bidang antaranya bidang pembantu perubatan, farmasi, seni bina, reka fesyen, kecantikan, sains komputer, kreatif multimedia, kewartawanan, rekaan dalaman, pengurusan harta tanah, perniagaan dan banyak lagi," katanya.